

Headline	Lestari atau malapetaka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	46	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	233 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,815



Lestari atau malapetaka

APABILA Datuk Dr. Abd. Latif Mahmod berulang kali menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) mendapatkan khidmat arboris untuk memantau pokok-pokok di kawasan bandar pada tahun lalu, pihak berkenaan sepatutnya sudah sedar bahawa keadaan sudah 'kronik'.

Penulis juga ternanti-nanti apa kesudahan 'cerita' di sebalik kesungguhan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu yang sanggup menyalurkan segala input daripada pakar botani berpengalaman di institusi berkenaan kepada PBT.

Apabila bercakap mengenai pokok, Abd. Latif bukan orang sembarangan. Beliau merupakan antara saintis terawal dan termuda negara yang mendapat pelbagai pengiktirafan dalam bidang perhutanan di peringkat global.

Saranan beliau mengenai ancaman pokok tua yang mengalami kemerosotan sistem akar sepatutnya diterima sebagai *wake up call*. Namun setakat ini, masih tiada perkembangan positif berlaku.

Jika dilihat pada statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat, kira-kira 4,000 kejadian pokok tumbang berlaku setiap tahun dengan purata 300 kes setiap bulan. Angka itu pasti lebih, kerana banyak juga yang tidak dilaporkan.

Kemalangan melibatkan pokok tumbang tidak boleh dikatakan kejadian yang jarang-jarang berlaku. Lihat sahaja puluhan kenderaan yang rosak ditimpa pokok di sekitar Bangi, Kajang dan Semenyih minggu lalu.

Di pusat bandar Kuala Lumpur pula, ribuan pokok tua masih menjadi penghias landskap sedangkan ia adalah agen malapetaka yang hanya menunggu masa untuk memusnah harta benda dan meragut nyawa.

Dalam hal ini penulis melihat keperluan mendesak untuk PBT menyemak semula



Di pusat bandar Kuala Lumpur pula, ribuan pokok-pokok tua masih menjadi penghias landskap sedangkan ia adalah punca malapetaka yang menunggu masa untuk memusnah harta benda dan meragut nyawa.

pelan pengurusan pokok secara lebih bersistematik.

Alasan untuk mengekalkan kehijauan di bandar juga perlu diteliti. Jika mahu menggunakan alasan pokok sebagai penyerap karbon dioksida dan meningkatkan kualiti udara, mungkin pokok seperti Hujan-Hujan perlu diganti dengan spesies-spesies yang lebih selamat.

Jika dilihat di negara-negara maju, pokok bersaiz besar seperti itu langsung tiada tempat di tengah bandar kerana telah lama menjadi isu.

Bahkan konsep hijau juga tidak boleh diukur pada jumlah pokok semata-mata. Di China dan Kanada, kerajaan lebih menggalakkan konsep itu melalui penanaman tumbuhan pada bangunan tinggi yang berfungsi sebagai penapis pencemaran dan meningkatkan nilai estetika bandar itu sendiri.

Justeru, dalam mempertahankan konsep bandar hijau, kita perlu mencari keseimbangan yang baik tanpa memperjudikan keselamatan orang awam.